

BAHASA MELAYU

Keterangan

(oleh Musyfa')

Di dalam "Qalam" yang lepas saya telah berkata bahawa huruf atau perkataan-perkataan pendek dijadikan tambahan di hadapan atau di belakang sepatah perkataan yang lain dijadikan perikatan susunan bahasa itu jika tidak kena pada tempatnya nescaya yang demikian itu membawa kepada salah fahaman atau harus merosakkan aturan atau ikatan bahasa Melayu yang sempurna. Maka di sini adalah saya mengambil peluang memberi sedikit keterangannya yang mudah-mudahan sudi tuan-tuan pembaca yang berkehendakkan supaya molek lagi bahasa Melayu kita di Semenanjung ini, memikirkan serta timbangkan dengan neraca yang halus.

Telah banyak kali saya perhatikan di dalam tulisan dan juga cakapan setengah orang-orang Melayu kita menggunakan huruf "di" dan perkataan "pada" dan juga lain-lain seumpamanya dengan tidak tentu letakkan tempatnya yang sebenar iaitu:-

1. Telah ditulis oleh seorang di dalam sebuah majalah:-

"Di masa itu seorang sahabat saya siapa dia adalah satu orang yang termasyhur di seluruh orang-orang di Kampung Gelam, Singapura sedang berniaga rupa-rupa permata dan kain-kain batik yang payah dapat dicari di tempat lain di Singapura... ..". Ini tidak betul, maka adapun yang betul, yang sepatutnya begini:- "Pada masa itu seorang sahabat saya yang ianya seorang yang termasyhur di sisi sekalian orang di Kampung Gelam, Singapura dan sedang berniaga berbagai-bagai macam permata dan kain-kain batik yang payah dapat dicari di tempat-tempat lain di Singapura....."

(A) - Adapun huruf "di" itu digunakan oleh bahasa Melayu di sini bagi menunjukkan tempat, bukan bagi menunjukkan masa.

(B) - "Siapa dia" itu tempatnya seolah-olah suatu pertanyaan pula maka memadai dengan "ialah" atau "yang ianya" - dengan dibuang dhamir atau ganti nama "dia" itu.

(C) - "Siapa dia adalah seorang yang termasyhur" dengan sebab perkataan "adalah" di sini maka bermaknalah "sahabat saya" itu ada mempunyai seorang lain pula yang bukanlah dirinya sendiri (si sahabat saya inilah) yang termasyhur.

(D) - "Di seluruh orang-orang".....adapun perkataan "seluruh" itu digunakan bagi menentukan tempat - bukan digunakan kepada orang-orang (atau manusia) yang ramai. Bahawasanya "seluruh" itu ertinya serata, seperti dikatakan seluruh, atau serata dunia, seluruh atau serata negeri, pekan, kampung atau lain-lain seumpamanya. Akan tetapi boleh juga digunakan "seluruh" itu pada manusia seperti dikatakan: "Orang itu berkurap atau berkudis seluruh (atau serata) tubuhnya" kerana sesungguhnya tubuh orang itulah tempat yang menunjukkan di mana diliputi oleh kudis atau kurap itu.

(E) - "Rupa-rupa" permata dan kain batik - adapun perkataan "rupa-rupa" itu gaya atau cara bahasa Melayu Indonesia, bukan pakaian bahasa Melayu Semenanjung yang sudah dari semenjak beratus-ratus tahun yang lepas, berkata, bermacam-macam - berbagai-bagai bermacam - berbagai-bagai jenis - aneka dan lain-lain lagi.

2. Selain daripada yang saya telah sebutkan di atas tadi banyak pula sekarang orang-orang Melayu yang disangkakan ahli-ahli persuratan menggunakan “di” dan “pada” menurut kehendak lintasan hati mereka itu sahaja, seolah-olahnya “di” dan “pada”, itu bersamaan erti dan bersamaan tempat kedudukan kedua-duanya itu dan boleh dipakai salah satunya di mana-mana tempat sahaja, maka oleh sebab itu ditulisnya di tahun – di masa ini – di hari itu – pada ketika itu pada besok paginya – di kirinya pada sebelah kanannya. Demikianlah sekejap ditulis “di” dan kemudian “pada” pula dalam satu makalahnya itu dengan tidak tentu tempat dan masa.

Dengan ikhlas saya ingatkan kepada tuan-tuan yang terkhalaf itu bahawasanya sesungguhnya bahasa Melayu kita belum diadakan kitab-kitab nahu, saraf dan loghatnya yang ditentukan (dan jikalau telah ada sedikit-sedikit dikarang oleh seorang berdua di Malaya ini tetapi tidak atau belum diiktirafkan oleh kerajaan atau pejabat pelajaran dengan perintahnya yang kuat supaya dipakai dan diajar di sekolah-sekolah Melayu) akan tetapi sememang ada aturan-aturannya sedikit sebanyak tersirat di hati dan terpancut lidah Melayu dari semenjak zaman berzaman dahulu. Jadinya kita yang sekarang ini hanya menurut jalan “moden” sahaja dan dapat memandang dan tahu apa yang ada tersurat, tiada tahu apa yang tersirat!

Di sini suka juga saya terangkan bahawa ada pun batang-batang tombak dan lembing dinamakan tatar dan batang-batang beliong dan pematil dikatakan pardah. Jika kita katakan tombak dan lembing berpardah dan beliong dan pematil pula bertatar, tentulah tertawa orang-orang yang lebih tahu, dan juga kita ditertawakan orang jika kita samakan sahaja dengan satu ketetapan dan ertinya tatar dan pardah itu dan harus orang-orang kita menyangkakan kita samakan sahaja pintu dengan tingkap! Demikianlah hal kekhilafan orang-orang yang memakai

“di” dan “pada” di sebarang tempat sahaja sebagaimana yang saya nyatakan di atas itu tadi.

Pada perhatian saya bahawa surat-surat khabar harian dan majalah-majalah Melayu kita sekarang ini disifatkan oleh setengah orang-orang Melayu, sebagai buku-buku pelajaran siasah, adat pergaulan dan agama. Walaupun tujuan-tujuan di dalam surat khabar dan majalah-majalah itu setengahnya diakui molek dan patut diturut, akan tetapi susunan bahasa Melayu yang ditulis oleh setengah penulis-penulisnya itu harus sangat ada yang salah tentang aturan ikatan bahasa dan perkataan-perkataan Melayunya. Di sini setengah orang-orang Melayu berfikir apabila ajaran-ajaran nasihat-nasihat dan buah-buah fikiran penulis-penulis di surat-surat khabar dan majalah-majalah itu molek dan patut diturut, tentulah bahasa Melayunya itupun molek dan betul yang patut diturut; lalu diturutnya pula. Pak-pak turut yang membuta tuli semacam inilah yang membuat punca kerosakan bahasa Melayu kita di Semenanjung ini! Tidakkah tuan-tuan itu ketahui bahawa ada rumah-rumah batu yang besar-besar dan kukuh perbuatannya serta boleh dijadikan tempat-tempat perlindungan orang ramai pada masa yang wajib, akan tetapi bentuk rumah-rumah itu hodoh? Dan tidak kena aturannya – bilik-bilik yang patut dijadikan bilik tidur disediakan paip air dan kolam sebagai bilik mandi dan beranda tempat orang-orang duduk dan berbual maka di situlah pula dibuat bilik dapur cukup dengan tungku-tunggunya.

“Maukah aku tunjukkan kepada kamu orang yang amat kuat di antara kamu? Orang itu ialah yang sangat boleh menahan dirinya pada waktu marah” – al-Hadis riwayat at-Tabrani.

-----*-----*-----

Tiap-tiap permusuhan itu ada perdamaannya – dikecualikan permusuhan orang-orang yang dengki kerana maksud orang yang dengki itu tidak lain melainkan kebinasaan – kata Arif.